Nama :..... Kelas :.....

قرسيند عن ڤغتواد ان مجليس ڤغتوا
معهد كراجان سكولة منغه اوكام عرب بنتوان
ياياسن إسلام كلنتن

Prinsip Perakaunan
3756/1
Kertas 1
Oktober 2024
1 jam 15 minit

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2024 M / 1446 H

PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Setiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C,** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

1. Pernyataan di bawah berkaitan subbidang perakaunan.

> Kerja-kerja pemeriksaan dokumen perniagaan dan rekod kewangan dilakukan untuk mengesahkan rekod perakaunan adalah betul dan tepat.

Apakah subbidang tersebut?

A Percukaian
B Pengauditan
C Perakaunan Kewangan
D Perakaunan Pengurusan

2. Urus Niaga yang manakah menggunakan Baucer Tunai Runcit?

A Membeli laptop
B Membeli alatan pejabat
C Membayar sewa premis
D Membayar tambang teksi

3. Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri sebuah milikan perniagaan.

> - Ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
> - Dimiliki oleh seorang pemilik

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

A Jusoh Media Berhad
B Salon Kecantikan Minah
C Syarikat Berkat Sdn. Bhd.
D Klinik Amira dan Amirana

4. Pilih padanan yang betul.

	Akaun	Jenis Akaun	Baki
A	Faedah Atas Pinjaman	Liabiliti	Debit
B	Komisen	Aset	Kredit
C	Akaun Belum Terima	Belanja	Debit
D	Sewa Diterima	Hasil	Kredit

5. Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Bertambah

Urus niaga manakah menepati kesan berkenaan?

A Membuat bayaran kepada Akaun Belum Bayar sebanyak RM800 secara tunai
B Membayar ansuran pinjaman RM1 500 dan faedah pinjaman RM300 dengan cek
C Jualan tunai RM5 700 bagi inventori berkos RM5 500 telah digunakan untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar
D Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM3 100 dengan cek untuk menyelesaikan hutang sebanyak RM3 300

6. Pemilik Kedai Alatan Pejabat Azlan telah berkunjung ke Kedai Perabot Tun untuk membeli rak pameran. Kedai Perabot Tun menggunakan komputer untuk merekod urus niaga perniagaan. Berdasarkan situasi di atas, klasifikasi akaun manakah yang tepat untuk kedua-dua perniagaan?

	Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Kedai Alatan Pejabat Azlan	Inventori - Alatan Pejabat	Perabot
II	Kedai Alatan Pejabat Azlan	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
III	Kedai Perabot Tun	Inventori - Perabot	Alatan Pejabat
IV	Kedai Perabot Tun	Inventori - Alatan Pejabat	Perabot

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

7. Apakah tujuan nota kredit dikeluarkan?

I Pembeli memulangkan bekas kosong yang telah dicaj dalam invois
II Jumlah dalam invois terkurang nyata
III Butiran tertinggal rekod dalam invois
IV Komisen diberi kepada pembeli

A I dan II
B I dan IV
C II dan IV
D III dan IV

8. Pilih padanan yang betul bagi dokumen dan urus niaganya.

	Dokumen	Urus Niaga
A	Invois	Belian secara kredit
B	Nota kredit	Penerimaan diskaun tunai
C	Keratan cek	Bukti penerimaan wang
D	Nota debit	Pulangan barang niaga

9. Pernyataan berikut dikaitkan dengan sejenis dokumen.

> Hutang bagi seorang pelanggan RM450 telah dihapus kira sebagai hutang lapuk.

Apakah dokumen tersebut?

A Nota Kredit
B Nota Debit
C Invois
D Memo

10. Pilih padanan fungsi Jurnal Khas yang betul.

	Jurnal Khas	Fungsi
A	Jurnal Jualan	Merekodkan jualan barang niaga secara kredit
B	Jurnal Pulangan Keluar	Merekodkan pulangan barang niaga daripada pembekal
C	Jurnal Pulangan Masuk	Merekodkan pulangan barang niaga kepada pembeli
D	Jurnal Belian	Merekodkan penerimaan belian barang niaga secara tunai sahaja

11. Urus niaga berikut berlaku kepada Kedai Kasut Miyuko pada 9 Mei 2024.

> Pemilik menggunakan wang pinjaman peribadi yang diperoleh daripada Bank Bersama Berhad untuk membayar sewa premisnya.

Catatan bergu yang manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Sewa	Ambilan
B	Ambilan	Modal
C	Sewa	Modal
D	Modal	Sewa

12. Pilih padanan yang betul.

	Buku Catatan Pertama	Fungsi
A	Jurnal Am	Merekod modal tambahan secara tunai atau bank
B	Jurnal Khas	Merekod belian barang niaga dan Aset Bukan Semasa
C	Jurnal Pulangan Jualan	Merekod pemulangan barang niaga yang rosak oleh pelanggan
D	Jurnal Penerimaan Tunai	Merekod kutipan bayaran daripada Akaun Belum Terima sahaja

13. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Runcit Selamah.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2024

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	400	
Akaun Belum Terima	5 000	
Belian dan jualan	30 000	46 800
Kenderaan	44 600	
Modal		30 000
Y		3 200
	80 000	80 000

Apakah Y?

A Overdraf bank
B Diskaun diberi
C Angkutan keluar
D Belian

14. Encik Zakir telah mengambil barang niaga bernilai RM320 untuk tujuan derma.
Apakah akaun yang akan didebitkan?

A Derma
B Jualan
C Akaun Belum Terima
D Inventori

15. Maklumat berikut merupakan analisis kad inventori Odd Trading.

Jenis Barang	Baki Awal (Kotak)	Masuk (Kotak)	Keluar (Kotak)	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Paku	20	150	80	20	45
Skru	30	200	120	10	20

Berapakah nilai inventori akhir?

A RM2 100
B RM2 900
C RM3 150
D RM4 251

16. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Zamihan.

	RM
Aset bukan semasa	20 000
Aset Semasa	9 980
Liabiliti bukan semasa	9 000
Liabiliti semasa	1 080

Berapakah ekuiti pemilik Perniagaan Azmi?

A RM19 900
B RM11 560
C RM22 400
D RM23 560

17. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Encik Armanizatul seorang peruncit pada 31 Disember 2023.

	RM
Untung kasar	44 500
Gaji	38 000
Sewa	7 500
Ambilan	800
Komisen diterima	550

Berapakah jumlah kerugian perniagaannya?

A RM150
B RM450
C RM800
D RM1 400

18. Format Akaun Perdagangan berbentuk 'T' mempunyai beberapa ciri. Antara berikut, ciri-ciri manakah yang **betul**?

I Kos jualan direkodkan di bahagian debit
II Belian direkodkan di bahagian kredit
III Untung kasar direkodkan di bahagian kredit
IV Kos barang untuk dijual direkodkan di bahagian debit

A I dan III
B II dan III
C II dan IV
D I dan IV

19. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Shamsi yang tidak mengamalkan rekod yang lengkap.

	1 September 2023	31 Ogos 2024
	RM	RM
Sewa prabayar	550	800

Buku Tunai

	RM		RM
		Sewa	5050

Berapakah sewa yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

A RM2 700
B RM4 800
C RM4 500
D RM5 400

20. Maklumat berikut menunjukkan pembelian lengkapan oleh sebuah firma sepanjang tahun 2023.

Tarikh	RM
1 Januari 2023	2 800
30 Jun 2023	4 600
31 Disember 2023	5 800

Polisi firma memperuntukkan susut nilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

A RM900
B RM1 020
C RM1 900
D RM1 920

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

21. Maklumat berikut berkaitan Aset Bukan Semasa Syarikat Rahmat Megi.

Tarikh beli	:	1 Januari 2022
Mesin (Kos)	:	RM8 500
Kadar susut nilai	:	10% setahun atas kos
Tarikh jual	:	31 Disember 2023
Harga jualan	:	RM5 000

Berapakah rugi atas pelupusan aset berkenaan?

A RM1 800
B RM2 800
C RM3 000
D RM4 500

22. Maklumat berikut berkaitan dengan kesilapan tidak ketara.

K → Kesilapan merekod urus niaga di dalam akaun yang salah dan berbeza pengelasan akaun.

Apakah K?

A Kesilapan songsang
B Kesilapan akaun
C Kesilapan komisen
D Kesilapan prinsip

23. Rumus manakah yang betul?

A Nisbah Semasa = $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Bukan Semasa}}$

B Inventori Purata = $\frac{\text{Inventori akhir} - \text{Inventori awal}}{2}$

C Pulangan Atas Modal = $\frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Modal}}$

D Kadar Pusing Ganti Inventori = $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$

24. Rajah 1 menunjukkan maklumat yang terdapat dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi.



Apakah Y?

A Ambilan
B Untung Kasar
C Kongsi Untung
D Faedah atas Pinjaman Pekongsi

25. Komisen diterima berjumlah RM450 direkodkan dengan betul dalam Buku Tunai (lajur bank) tetapi tersilap rekod dalam Akaun Komisen Diterima sebagai RM405. Bagaimanakah cara merekod kesilapan ini?

A

Akaun Komisen Diterima

		RM
	Bank	~~405~~
		450

B

Akaun Komisen Diterima

		RM
	Bank	~~450~~
		405

C

Akaun Komisen Diterima

	RM	
Bank	~~405~~	
	450	

D

Akaun Komisen Diterima

	RM	
Bank	~~450~~	
	400	

26. Perniagaan Mek Ida menyimpan rekod perniagaannya tetapi tidak lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 30 Jun 2024.

	RM
Modal 1 Julai 2023	11 000
Modal 30 Jun 2024	24 000
Ambilan	2 500
Modal tambahan	7 000

Berapakah untung Perniagaan Mek Ida?

A RM8 500
B RM11 500
C RM18 500
D RM21 500

27. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Pelangi Senja.

Perniagaan Pelangi Senja
Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM	RM
Modal Akhir		60 500
Tambah: X		3 000
		63 500
Tolak: Modal Awal	55 020	
Y	4 800	
		59 820
		3 680

	X	Y
A	Ambilan	Modal tambahan
B	Modal tambahan	Ambilan
C	Untung bersih	Ambilan
D	Modal tambahan	Rugi Bersih

28. Pernyataan manakah yang benar mengenai Belanjawan Tunai?

I. Kurangan yang berlaku menunjukkan kerugian perniagaan
II. Lebihan yang diperoleh menunjukkan perniagaan mempunyai kawalan tunai yang baik
III. Pembayaran sebenar yang melebihi jangkaan pembayaran menunjukkan prestasi yang baik
IV. Penerimaan sebenar yang melebihi jangkaan penerimaan menunjukkan prestasi yang memuaskan

A I dan III
B II dan IV
C II dan III
D I dan IV

29. Butiran Ekuiti Pemilik yang manakah terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan perkongsian?
A Modal Kerja
B Ambilan
C Akaun Modal
D Untung Bersih

30. Berikut adalah perbandingan antara Butik Ahmad & Atan dengan Butik Atan.

	Butik Ahmad & Atan	Aspek Perakaunan	Butik Atan
I	Agihkan kepada Ahmad dan Atan	**Untung Bersih**	Milik Atan
II	Sumbangan oleh Atan	**Modal Permulaan**	Sumbangan oleh Atan dan ahli keluarganya
III	-Akaun Perdagangan dan Untung Rugi -Akaun Pengasingan Untung Rugi	**Akaun Penamat**	-Akaun Perdagangan -Akaun Untung Rugi
IV	Modal awal, ambilan, untung bersih	**Ekuiti Pemilik**	-Akaun Modal -Akaun Semasa

Pilih padanan yang betul.
A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

31. Apakah butiran yang tidak direkod dalam Akaun Semasa Pekongsi?
    A Faedah atas ambilan
    B Faedah atas modal
    C Gaji pekerja
    D Faedah atas pinjaman

32. Apakah bentuk keuntungan yang diterima oleh pemegang syer Syarikat Berhad?
    A Bonus
    B Faedah
    C Dividen
    D Untung bersih

33. Antara berikut, pernyataan yang manakah betul tentang Syarikat Berhad?

    I Penyata kewangan perlu diedar kepada pemegang syer
    II Bilangan pemegang syer antara 1 hingga 50 orang
    III Syer boleh dipindah milik secara bebas
    IV Bilangan minimum pengarah ialah 2 orang

    A I dan II
    B I dan IV
    C II dan III
    D III dan IV

34. Pada 1 April 2024, Syarikat Andry Berhad menerbitkan 4 000 000 unit syer biasa berharga RM1.50 sesyer kepada orang ramai.

    Pilih catatan bergu untuk merekod urus niaga pada tarikh tersebut.

	Debit	Kredit
A	Permohonan Syer Biasa	Bank
B	Bank	Permohonan Syer Biasa
C	Modal Syer Biasa	Bank
D	Permohonan Syer Biasa	Modal Syer Biasa

35. Berikut adalah Akaun Yuran Kelab Guru MTAQA pada 31 Disember 2023.

Akaun Yuran

2023		RM	2023		RM
Dis. 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	5 250	Dis. 31	Bank	4 975
	T	50		U	325
		5 300			5 300

Apakah T?

A Yuran belum bayar
B Yuran lapuk
C Yuran belum terperoleh
D Yuran belum terima

36. Kelab Karom Bandar Tasik Tenggara telah memberikan maklumat di bawah.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM		RM
Elaun jurulatih	3 000	Yuran	8 500
Utiliti	2 960		
V	2 540		
	8 500		8 500

Apakah V?

A Kurangan
B Baki h/b
C Lebihan
D Untung Kelab

37. Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diambil daripada Kelab Cinta Alam.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 (petikan)

	RM
Dana Terkumpul	
Dana terkumpul awal	24 584
Lebihan	5 350
Derma khas	4 000
	Z

Berapakah nilai Z?

A RM13 974
B RM23 674
C RM23 394
D RM33 934

38. Kilang Elektronik Reqs Berhad membayar gaji pengurus kilang sebanyak RM5 530 sebulan. Apakah komponen perbelanjaan tersebut di dalam kos pengeluaran?

A Kos prima
B Kos berubah
C Kos overhed
D Kos buruh langsung

39. Manakah antara yang berikut merupakan komponen Belanja Langsung?

I Reka bentuk produk
II Insurans
III Cap dagangan
IV Kadar bayaran

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

40. Butiran yang manakah tidak dicatat dalam Akaun Pengeluaran?

A Kos prima
B Kos jualan
C Kos overhed
D Kerja dalam proses

~KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT~